

BERITA HARIAN

DATE: 2 / 10 / 2007

Kesihatan Dr Mahathir makin baik

BH - 2/10/2007

KUALA LUMPUR: Keadaan kesihatan Tun Dr Mahathir Mohamad terus menunjukkan perkembangan positif apabila sudah mampu duduk di kerusi selepas menjalani dua pembedahan di Institut Jantung Negara (IJN).

IJN dalam satu kenyataan berkata, bekas Perdana Menteri juga semakin berselera makan dan doktor kini menumpukan untuk meningkatkan nutrisi badannya bagi membina kekuatan otot sebelum beliau dibenarkan menjalani senaman.

"Dr Mahathir akan terus ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan lawatan masih lagi dihadkan kepada ahli keluarga terdekat," katanya.

Anaknya, Datin Paduka Marina dalam laman blognya berkata, selera makan ayahnya juga semakin bertambah dengan hidangan sarapan roti serta telur, jus prun, dadih dan kopi, semalam.

"Sebelum bersarapan beliau minta doktor supaya tidak berada di dalam biliknya kerana mahu menikmati hidangan tanpa kehadiran mereka yang akan menepuk tangan dan bersorak setiap kali beliau menghabiskan makanan," katanya.

Dr Mahathir menjalani pembedahan selama tiga jam 23 September lalu selepas 19 hari menjalani pembedahan pintasan jantung pada 4 September lalu.

Sementara itu, dadih perisa asli yang dibawa khas dari Kubang Pasu, Kedah, adalah antara hidangan yang digemari bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, selepas menjalani pembedahan membersihkan luka di IJN, Sabtu minggu lalu.

Anak lelakinya, Datuk Mukhriz, berkata dadih antara makanan paling disukai bapanya sejak dulu lagi dan walaupun masih dirawat bapanya mampu menghabiskan dadih yang dihidangkan.

"Bapa memesan dadih itu dua hari lalu dan menghabiskan beberapa cawan yang diberikan kepadanya," katanya selepas majlis Perkampungan Hadhari peringkat Parlimen Muar di pekarangan Masjid Jamek Parit Kadhi di Muar, malam kelmarin.